

22 AUG 2003

Mohamed-Mesyuarat

BN BINCANG KEDUDUKAN WAKIL RAKYAT PULAU PINANG

PETALING JAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Isu penarikan semula penggantungan keanggotaan dua wakil rakyat MCA di Pulau Pinang daripada Barisan Nasional (BN) akan dibincang pada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan BN, Isnin ini.

Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata mesyuarat itu akan meneliti sama ada mereka akan dilantik semula sebagai wakil rakyat BN ataupun mengekalkan penggantungan itu.

Jawatankuasa Pusat MCA baru-baru ini mencadangkan agar penggantungan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan Adun Jawi, Tan Cheng Liang yang dibuat BN pada penghujung tahun lalu ditarik balik.

"Jawatankuasa Pengurusan BN akan melihat cadangan MCA itu supaya boleh diambil sesuatu keputusan yang akan dibawa kepada mesyuarat Dewan Tertinggi BN. Kita akan bincang sama ada nak tarik balik keputusan BN sebelum ini dan menafikan mereka sebagai wakil rakyat atau sebaliknya," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Menara Buku Tertinggi yang direkodkan dalam Malaysia Book of Records di sini, hari ini.

Ketika ditanya bila akan diadakan mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Mohamed berkata, "kita belum putuskan bila nak diadakan Mesyuarat Dewan Tertinggi ...mungkin bulan depan."

Di samping itu mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan BN akan turut membincangkan masalah dalaman yang melanda Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

"Sekarang (PBDS) dah pecah belah...oleh itu sesuatu mesti dibuat supaya perpecahan ini dibetulkan segera," katanya.

Krisis dalaman melanda PBDS selepas Presiden Parti Datuk Amar Leo Moggie melepaskan jawatannya dan timbalannya Datuk Daniel Tajem dilantik sebagai presiden yang baru. Bagaimanapun, puak yang diketuai bekas pengerusi biro penerangan PBDS Datuk Dr James Jemut Masing mencabar kepimpinan Tajem.

Mohamed berkata mesyuarat itu juga akan memutuskan segala persiapan menjelang Sambutan Perayaan 50 Tahun Kongsi Kuasa yang akan diadakan pada 20 Sept depan.

Beliau berkata satu rali umum akan diadakan di Stadium Merdeka sebagai memperingati dan mengenang sejarah kemerdekaan negara yang dicapai melalui perkongsian kuasa antara semua kaum yang berbeza parti politik.

Sementara itu menara buku setinggi 12 meter yang menyerupai Menara Kembar Petronas itu merupakan simbol penghargaan rakyat kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selama 22 tahun.

Ia akan dipamerkan di pusat membeli-belah Sunway Pyramid sehingga 31 Ogos ini dan kemudian diletakkan di balai berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selama sebulan.

-- BERNAMA

RW HM PR